



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 21 Jun 2017

## KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 13 TAHUN 2017

### PEMOTONGAN 5% MARKAH PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN ATAS KEGAGALAN MELAKSANAKAN MODUL SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT), LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT), PERISYTIHARAN HARTA DAN REKOD PERIBADI.

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana sedia maklum, KPI HRMIS yang telah ditetapkan sebagai KPI Ketua Setiausaha MPIC oleh pihak JPA telah menjadi KPI Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian serta Ketua Unit/Program/Pengarah Wilayah/Negeri dan Pengurus Stesen bermula tahun 2016.
3. Modul-modul yang telah ditetapkan sebagai kriteria KPI HRMIS ialah **Modul Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Modul Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT), Modul Perisytiharan Harta dan Modul Rekod Peribadi (Pendidikan)**. Adalah menjadi tanggungjawab setiap warga LGM untuk melaksanakan modul-modul berkenaan selaras dengan arahan pihak JPA.
4. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) LGM Bil. 1/2017 yang telah diadakan pada 14 April 2017 telah mengambil keputusan agar semua warga LGM mematuhi arahan pelaksanaan HRMIS. Kegagalan warga LGM untuk melaksanakan modul-modul berkenaan dan mengemaskini maklumat yang diperlukan dalam sistem HRMIS akan ditolak 5% markah LNPT pada peringkat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian